KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

# UCAPAN ALUAN

## YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN

## KETUA PENGARAH

## AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

## HARI INOVASI NUKLEAR MALAYSIA (HINM) DAN *TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE* (TPS) 2026

**TARIKH : 28 OKTOBER 2026 (RABU)**

**TEMPAT : DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)**
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

1. Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang
   Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

2. Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
   Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

3. Pengurusan Tertinggi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

4. Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

5. Pengarah-Pengarah Bahagian dan warga penyelidik Nuklear Malaysia

6. Wakil-wakil dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, institusi swasta dan persatuan

7. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdullillah, Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama hadir di sini bagi menjayakan Majlis Perasmian Hari Inovasi Nuklear Malaysia (HINM) dan *Technology Preview & Showcase* (TPS) untuk tahun 2026.

2. Saya mewakili seluruh warga Agensi Nuklear Malaysia menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang sudi ke rumah kami walaupun dalam kesibukan kerja, seterusnya menyempurnakan perasmian program kita pada hari ini.

3. Kehadiran Yang Berhormat Datuk tentu sekali akan menyemarakkan lagi majlis ini, komitmen jitu pihak kementerian dalam menyokong aspirasi dan inisiatif yang diterajui oleh Nuklear Malaysia ini diucapkan jutaan terima kasih.

4. Selamat datang dan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan semua tetamu yang hadir. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan tentu sekali menyokong dan memperkukuh ekosistem inovasi negara, khususnya melibatkan teknologi nuklear.

Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Tahun ini, Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* terus membawa tema “Nuklear Untuk Rakyat (NUR)”, justeru penekanan dalam memastikan manfaat teknologi nuklear dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat. Tema ini seiring dengan aspirasi Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dan sokongan kepada dasar

negara seperti Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030.

6. Bagi Nuklear Malaysia, inovasi perlu diterjemahkan kepada teknologi, produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai serta memberi manfaat nyata samada langsung atau tidak langsung kepada masyarakat dan negara.

7. Sebagai platform strategik, Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* memperlihatkan inovasi daripada penyelidikan kepada produk untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan kelestarian negara.

Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Acara utama iaitu Pertandingan Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan 2026 (AINK) yang akan menyaksikan hasil penyelidikan dan inovasi di dalam enam sektor utama iaitu: (i) Perubatan dan Penjagaan Kesihatan, (ii) Makanan dan Pertanian, (iii) Pembuatan Peranti dan Peralatan, (iv) Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Asli, (v) Aplikasi Perindustrian serta (vi) Keselamatan dan Sekuriti. Pada tahun ini, inovasi dalam bidang Tenaga Nuklear juga terlibat.

9. Kali ini, lebih 50 penyertaan diterima daripada penyelidik Nuklear Malaysia, universiti awam, universiti swasta, agensi kerajaan dan syarikat swasta. Daripada jumlah tersebut, 24 penyertaan telah disenaraikan ke peringkat akhir bagi Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan. Manakala *Technology Preview & Showcase* pula menampilkan 14 reruai produk dan perkhidmatan Nuklear Malaysia.

10. Kali ini, kita menggunakan logo rasmi Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan. Logo ini melambangkan kemajuan sains dan teknologi

menerusi tiga elemen utama: (i) Struktur orbit atom yang mencerminkan sifat dinamik dan pergerakan idea inovatif penyelidik, (ii) warna keemasan menterjemahkan kualiti, prestij, serta nilai tertinggi, dan (iii) Reka bentuk tulisan moden yang menguatkan komitmen nasional dalam memperkasakan teknologi nuklear demi pembangunan mampan dan kesejahteraan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Hari Inovasi Nuklear Malaysia menjadi platform pengiktirafan kepada penyelidik dan pereka cipta, *Technology Preview & Showcase* pula sebagai medan untuk mengetengahkan hasil R&D Nuklear Malaysia kepada pihak industri dan pemegang taruh. Penganjuran TPS dapat memacu kolaborasi bersama pihak industri supaya menepati kehendak dan keperluan pasaran.

12. Dalam tempoh 2023 hingga 2026, TPS telah dianjurkan sebanyak lapan kali di tujuh lokasi iaitu Kelantan, Pahang, Melaka, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor dengan penyertaan seramai 1,379 peserta daripada pihak industri dan kerajaan.

13. Pencapaian ini menunjukkan bahawa TPS semakin berkembang sebagai salah satu platform yang untuk ketengahkan teknologi nuklear bagi kegunaan industri dan masyarakat. Kita berharap melalui TPS, keyakinan industri terhadap kepakaran tempatan dapat terus ditingkatkan.

14. Dalam tempoh 2023 hingga 2026, Nuklear Malaysia telah merekodkan 41 pelanggan kolaborasi industri, 44 perjanjian pengkomersialan dan 19 produk atau perkhidmatan yang telah dikomersialkan.

Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

15. Antara produk yang berjaya diketengahkan termasuk Benih Padi NMR152, produk biobaja, UVGI LembayUVng dan NuRust, yang masing-masing mempunyai aplikasi serta nilai tambah dalam sektor pertanian, kesihatan dan industri.

16. Pada masa yang sama, Nuklear Malaysia kini mempunyai sekitar 2,200 pelanggan aktif dan memberikan secara purata 5,900 perkhidmatan teknikal kepada industri setiap tahun.

17. Justeru, Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* saling melengkapi dalam memperkukuh budaya inovasi dan membuka peluang kerjasama serta pengkomersilan.

Yang Berhormat Datuk dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

18. Sepanjang dua hari ini, pelbagai aktiviti telah disusun termasuk seminar, klinik perlindungan harta intelek, taklimat pengkomersilan, sesi padanan perniagaan, pameran teknologi nuklear serta lawatan pelajar ke fasiliti utama Nuklear Malaysia, seperti Reaktor TRIGA PUSPATI, SINAGAMA, Makmal Standard Dosimetri Sekunder (SSDL), kemudahan *Non-Destructive Testing* (NDT) dan lain lain.

19. Program Sudut Sains bersama pelajar-pelajar sekolah juga menjadi salah satu pengisian, sebagai platform interaktif untuk meningkatkan kesedaran dan literasi sains dalam kalangan generasi muda. Program ini akan disertai sekitar 1,200 pelajar melalui aktiviti *Nuclear Escape Room* dan Sudut Sains yang mengetengahkan demonstrasi, pameran serta aktiviti hands-on berkaitan sains, teknologi dan aplikasi nuklear.

20. Pengisian ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali inovasi dan teknologi yang dibangunkan serta memahami aplikasi teknologi nuklear secara lebih mudah, menarik dan berasaskan pengalaman.

21. Harapan saya agar acara kita ini menjadi inspirasi untuk berkarya, menjadi jambatan yang kukuh dalam berkerjasama dan seterusnya dapat membantu agenda pembangunan negara bagi mengangkat kedudukan Malaysia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi amnya dan dalam bidang nuklear khususnya.

22. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berhormat Datuk bersama kepimpinan tertinggi MOSTI adalah sangat memaknakan kami, amanat yang akan disampaikan tentunya menyuntik semangat dan tekad buat seluruh warga Nuklear Malaysia agar terus memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik.

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada tetamu yang hadir serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis dan acara kita ini.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.